

Program Kempas capai matlamat

48 pelajar Tingkatan Empat tamat Kem Pendidikan Alam Semula Jadi

Oleh Norliza Abdullah

bhnews@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Se-ramai 48 pelajar Tingkatan Empat seluruh negara menamatkan Kem Pendidikan Alam Semula Jadi (Kempas) 2009 di Hutan Simpan Ayer Hitam, Puchong, dekat sini semalam.

Majlis penutup program anjuran Fakulti Perhutanan Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi tajaan ExxonMobil Exploration and Production Malaysia dengan kerjasama *Berita Harian* serta Kementerian Pelajaran itu menyaksikan tiga peserta dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Agama Melor, Kota Bharu muncul kumpulan terbaik.

Masing-masing membawa pulang wang tunai RM1,000, Sijil Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) RM250 se-riap seorang, sijil penyertaan dan hadiah iringan.

Hadiah disampaikan Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Prof Dr Abu Bakar Salleh.

Hadir sama Pengurus Hal

Ehwal Awam Subsidiari Exxonmobil Malaysia, Farid Jaafar dan Dekan Fakulti Perhutanan Prof Madya Dr Awang Noor Abd Ghani serta Penolong Pengarah Bahagian Sukan, Seni dan Korusikulum, Raja Azlan Raja Sulaiman.

Tempat kedua dimenangi SM Sains Selangor yang membawa pulang wang tunai RM800 dan SSPN RM200 setiap seorang, manakala tempat ketiga SMK Putrajaya, Presint 9 (1) dengan membawa pulang RM600 serta SSPM150 setiap seorang.

Kedua-dua kumpulan itu juga membawa pulang piala pusingan, sijil penyertaan, replika dan hadiah iringan.

Peserta yang mewakili setiap negeri disertai tiga individu dengan seorang guru pengiring sebagai pelengkap program enam hari bermula 1 Jun lalu.

Guru pengiring SMK Agama Melor, Ismail Jaafar, berkata kali pertama menyertai program diperkenalkan sejak 1977 itu memberi peluang kepada mendekatkan pelajar dengan persekitaran yang



ABU Bakar (berdiri tengah) bergambar bersama tenaga pengajar dan Peserta Kempas 2009 di Hutan Simpan Air Hitam, Puchong, semalam.

memerlukan penjagaan rapi.

Beliau berkata, dia bangga diumumkan peserta terbaik berdasarkan kesungguhan serta komitmen pelajar yang menjalankan tugasan dengan komited dalam menjalankan setiap aktiviti dilaksanakan.

Program sebegini, katanya, penting dalam mendekatkan generasi muda dengan alam sekitar kerana mereka bakal mewarisi ge-

nerasi akan datang dan kesedaran awal membantu menjaga keharmonian alam untuk dinikmati bersama.

Sementara itu, Kempas bermula dengan kuiz sains semula jadi sekolah menengah yang diperkenalkan sejak 32 tahun lalu. Program yang mendapat sambutan menggalakkan itu kemudian diterjemahkan dalam aktiviti luar bilik darjah menerusi aktiviti perkhemahan.

Abu Bakar berkata, peringkat awal pertandingan seramai 3,811 peserta dari seluruh negara mengambil bahagian. Saringan awal program diadakan dalam bentuk ujian bertulis bertujuan memilih pasukan layak menyertai peringkat kebangsaan.

Beliau berkata, tahun ini, pengajur mengambil kira penyertaan guru pengiring sebagai pelengkap kepada kumpulan berkenaan.